

**KDNK Malaysia Dijangka Tumbuh 5.4 Peratus Pada 2014, Kata RHB Research
Bernama
20 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- RHB Research mengunjur Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tumbuh kepada 5.4 peratus pada 2014, disokong pertumbuhan ekonomi yang kukuh tahun ini.

"Kami jangka ekonomi global semakin pulih terutama di AS di mana ekonomi diunjur tumbuh lebih kukuh pada 2014 yang mampu membantu meningkatkan ekonomi dunia," katanya dalam satu nota hari ini.

Firma penyelidik itu menjangka eksport sebenar Malaysia akan meningkat hingga mencapai 4.5 peratus tahun ini, walaupun ia susut -0.3 peratus pada 2013.

Ringgit pula dijangka kekal dalam aliran dagangan jajaran kecil pada kira-kira RM3.25 hingga RM3.30 berbanding dolar US pada jangka terdekat, kata RHB Research.

Pada jangka panjang, unit domestik itu akan kukuh kepada kira-kira RM3.15 satu dolar AS disokong oleh lebihan dalam akaun semasa imbalan bayaran, katanya.

Menurut RHB Research, akaun semasa imbalan bayaran dijangka mencatat lebihan kecil sebanyak RM28.7 bilion atau 3.4 peratus pendapatan negara kasar pada 2014.

Ia juga menjangka Bank Negara akan meningkatkan kadar dasar semalaman sebanyak 25 mata asas pada akhir suku ketiga 2014 kepada 3.25 peratus, selepas mengekalkannya tidak berubah pada tiga peratus selama lebih dua tahun.

Walaupun hutang isi rumah bertambah, firma penyelidikan itu berkata ia tidak menjangka langkah drastik diambil bagi mengetatkan syarat pinjaman untuk membendung pinjaman isi rumah.

RHB Research menjangka pembentukan modal tetap untuk kekal pada kadar pertumbuhan 8.5 peratus pada 2014, berbanding dengan 8.2 peratus pada 2013.

Ia berkata pertumbuhan pelaburan awam dijangka disokong oleh Program Perkongsian Awam-Swasta dan kemajuan dicapai dalam pelaksanaan sesetengah projek prasarana besar.

"Kami menjangka pelaburan awam akan berkembang pada kadar lebih cepat pada 2014 selepas tumbuh pada kadar sederhana pada 2013," kata firma penyelidikan itu.

RHB Research juga menjangka penggunaan awam akan tumbuh pada kadar lebih perlahan tahun

ini, sejajar dengan langkah kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan dalam usaha membendung defisit bajet dan hutang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023339>